

# Syarikat tebar sayap ke luar negara dengan bantuan SBF

By EATIYYAH MOHD SAID atiyyahm@sph.com.sg

Berita Harian, Page 4, Section: BERITA

Saturday 20 February 2021

674 words, 858cm<sup>2</sup> in size

28500 circulation



# Syarikat tebar sayap ke luar negara dengan bantuan SBF

Lebih 2,500 niaga S'pura dibantu di bawah GlobalConnect@SBF sejak inisiatif dilancar pada 2019

►ATIYYAH MOHD SAID  
atiyyahm@sph.com.sg

SELAMA dua tahun Cik Amanda Aida Atan berusaha untuk menembusi pasaran Dubai dan Turkey, tetapi hanya bertemu kegagalan.

Namun selepas mendapatkan bantuan GlobalConnect@SBF – inisiatif oleh Persekutuan Perniagaan Singapura (SBF) untuk membantu perniagaan berkembang ke luar negara – pemilik syarikat One Vibes Nation Vending & Franchise Management itu berjaya mendapat rakan kerjasama dipercayai dan saluran pengedaran di kedua-dua pasaran itu dalam masa enam bulan.

Syarikat itu adalah antara lebih 2,500 perniagaan Singapura yang dibantu inisiatif tersebut sejak ia dilancarkan pada 2019.

Walupun tahun lalu merupakan tahun yang mencabar, SBF telah membantu 15 usaha sama oleh perniagaan Singapura di Indonesia, Malaysia, Thailand, Vietnam, Amerika Syarikat dan Turkey.

Beberapa perniagaan itu telah diketengahkan dalam satu pameran – GlobalConnect@SBF Showcase – yang dihadiri Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Chan Chun Sing, semalam.

Encik Chan turut menyaksikan penandatanganan dua perjanjian kerjasama strategik oleh SBF, dengan bank UOB dan Keppel Land.

## APA KATA MENTERI

“Memandang ke hadapan, saya berharap untuk melihat lebih banyak contoh agar kita dapat merangsang usaha pengantarabangsaan dan membantu lebih banyak syarikat setempat menjangkaui pasaran Singapura dan meneroka lebih banyak peluang di luar negara.”

– Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik Chan Chun Sing.

## APA KATA PENIAGA

“Selama dua tahun sejak 2017, kami telah meneliti dan berusaha menerokai Dubai dan Turkey, namun ia agak mencabar kerana tidak mudah mencari rakan kerjasama yang memahami keperluan kami. Bekerjasama dengan GlobalConnect@ SBF amat berguna dalam meluaskan perniagaan kami ke luar negara dalam jangka masa singkat.”

– Pemilik syarikat One Vibes Nation Vending & Franchise Management, Cik Amanda Aida Atan.

Kerjasama dengan UOB akan membolehkan perniagaan Singapura untuk mengakses kepakaran, pengalaman dan rangkaian bank itu di selera Asia menerusi rangkaian Unit Penasihat Pelaburan Secara Langsung (FDI) yang mempunyai 10 Pusat FDI.

Sementara kerjasama dengan Keppel pun akan membolehkan peniaga setempat memanfaatkan ruang kerja berkhidmat yang bernama KLOUD, kendalian Keppel, yang terletak di luar negara.

Bercakap kepada media selepas majlis itu, Encik Chan berkata beliau gembira melihat bermacam usaha yang melibatkan pel-

bagai saiz perniagaan membantu satu sama lain serta bergandingan bahu dengan persekutuan seperti SBF bagi melebarkan sayap ke luar negara.

“Memandang ke hadapan, saya berharap untuk melihat lebih banyak contoh agar kita dapat merangsang usaha pengantarabangsaan dan membantu lebih banyak syarikat setempat menjangkaui pasaran Singapura dan meneroka lebih banyak peluang di luar negara,” ujar beliau.

Sementara itu, Encik Darius Lim, penolong ketua pegawai eksekutif Perniagaan Global di SBF, berkata persekutuan itu

menyediakan lebih 900 nasihat pasaran khusus kepada syarikat kecil dan sederhana (SME) setiap.

“Ia hanya tahun pertama dan kami merancang untuk meningkatkan ini dengan cepat.

“Kami menjangka jumlah akan berganda pada tahun kedua,” kata beliau.

GlobalConnect@SBF dibentuk SBF dengan kerjasama Enterprise Singapore (ESG) bagi menyokong syarikat berkembang.

Antara tumpuananya ialah terhadap Asean, pasaran baru, pendidikan tentang perjanjian perdagangan bebas (FTA).

Menjelaskan lebih lanjut tentang bantuan dan sokongan diterima, Cik Amanda Aida yang syarikatnya menguruskan mesin layan diri, berkata:

“Selama dua tahun sejak 2017, kami telah meneliti dan berusaha menerokai Dubai dan Turkey, namun ia agak mencabar kerana tidak mudah mencari rakan kerjasama yang memahami keperluan kami.

“Bekerjasama dengan GlobalConnect@ SBF amat berguna dalam meluaskan perniagaan kami ke luar negara dalam jangka masa singkat.

“Kami mendekati mereka untuk mendapatkan nasihat tentang rancangan pengantarabangsaan dan nasihat mereka yang berguna menolong membentuk strategi penglibatan pasaran kami.

“Mereka juga menghubungkan kami dengan wakil pejabat Enterprise Singapore (ESG) di Turkey dan Dubai yang membimbing kami dalam meneliti pasaran itu, membantu kami dengan paperwork yang penting seperti permohonan geran dan memperkenalkan kami dengan rakan kerjasama dipercayai,” ujarnya.

Tambah Cik Amanda Aida, syarikatnya yang menguruskan khidmat mesin layan diri bagi sekitar 500 jenama kini sedang bekerja sama dengan SBF lagi untuk meneroka usaha mengembangkan niaga ke pasaran baru seperti Los Angeles di Amerika.

## EKONOMI & KERJA



**TEMBUSI PASARAN:**  
Cik Amanda Aida berkongsi pengalaman niaga dengan Encik Chan mengenai produk pelanggannya yang menggunakan khidmat mesin layan diri yang diuruskan beliau dan bakal dijual di Dubai dan Turkey. – Foto LIANHE ZAOBAO